



SIARAN AKHBAR

PENGUATKUASAAN KE ATAS PENGAWALAN PENANGKAPAN DAN PENGIMPORAN UDANG BAKARA DAN KETAM BERSAIZ KECIL DAN BERTELUR

Bandar Seri Begawan
Khamis, 5 Februari 2026

Susulan daripada penguatkuasaan keatas pengawalan penangkapan dan pengimportan udang bakara dan ketam bersaiz kecil serta bertelur mulai 1 Januari 2026, Jabatan Perikanan telah melaksanakan beberapa siri pemantauan dan pemeriksaan keatas pasar-pasar ikan, premis-premis perniagaan termasuk pasaraya dan restoran, serta di Pos Kawalan Sementara Labu Daerah Temburong. Tujuan pemeriksaan berkenaan dijalankan adalah bagi memastikan udang bakara dan ketam yang di jual di Negara ini adalah terkawal dan menurut ukuran yang dibenarkan.

Hasil dari pemeriksaan yang dijalankan sepanjang bulan Januari 2026, Jabatan Perikanan mendapati dua buah restoran menjual ketam bersaiz kecil dan tindakan lanjut telah diambil.

Sehubungan dengan itu, para peniaga adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan serta memastikan ukuran ketam-ketam dan juga udang bakara yang dijual adalah berpatutan iaitu melebihi lebar badan (*carapace*) 11.5 sentimeter bagi ketam dan melebihi panjang kepala (*carapace*) 7.5cm bagi udang bakara, serta tidak bertelur. Selain itu, turut diingatkan bahawa sebarang aktiviti penangkapan dan pengimportan udang bakara dan ketam tanpa lesen atau yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan denda kompaun atau didakwa di mahkamah.

Untuk makluman orang ramai, Jabatan Perikanan telahpun mengemaskini senarai spesis ikan yang dikawal daripada diimport bagi tujuan perniagaan. Orang ramai bolehlah merujuk laman sesawang rasmi di www.fisheries.gov.bn dan media-media sosial Jabatan Perikanan bagi maklumat lanjut mengenainya.

Jabatan Perikanan akan terus memperkukuhkan usaha penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang bagi memastikan aktiviti penjualan ketam dan udang bakara dilaksanakan selaras dengan peruntukan perundangan yang berkuatkuasa. Orang ramai serta pengusaha sektor perikanan adalah diingatkan supaya mematuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan di bawah undang-undang perikanan, serta menjalankan aktiviti penjualan spesis berkenaan secara bertanggungjawab, sebagai komitmen bersama dalam memulihara kelestarian sumber perikanan negara.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Lampiran 1



Pemantauan dan pemeriksaan dilaksanakan di pasar-pasar ikan, restoran-restoran dan pos kawalan



Lebar badan ketam (carapace) berukuran kurang daripada 11.5 cm